

# Dr Mahathir lepasi syarat kelayakan

BH 19 MAR 2000

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepasi syarat kelayakan untuk mempertahankan jawatan Presiden pada pemilihan Umno Mei ini apabila menerima 51 pencalonan, termasuk dari semua empat bahagian yang bermesyuarat semalam.

Ini bermakna pencalonan yang diterima Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri, sudah melebihi syarat minimum 30 peratus atau sokongan 50 daripada 165 bahagian yang ditetapkan perlembagaan Umno bagi pertandingan jawatan berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah

Ahmad Badawi, yang juga mendapat 51 pencalonan termasuk empat semalam, sudah layak bertanding apabila sudah melebihi syarat minimum 20 peratus atau sokongan 33 daripada 165 bahagian.

Setakat ini, hanya satu daripada 52 bahagian yang mengadakan mesyuarat iaitu Tanah Merah yang mencalonkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Sementara itu, Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, turut layak mempertahankan ja-

watan apabila melepasi syarat pencalonan minimum sebanyak 20 peratus atau 33 bahagian.

Beliau yang juga Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mendapat 37 pencalonan, termasuk tujuh semalam iaitu dari Batu Pahat (Johor), Sungai Petani (Kedah), Maran dan Kuantan (Pahang), Kemaman (Terengganu), Sandakan (Sabah) dan Jasin (Melaka).

LIHAT MUKA 2

# Dr M lepasi syarat kelayakan

BH 19 MAR 2000

DARI MUKA 1

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz pula kini memperoleh 54 pencalonan, termasuk sembilan semalam iaitu Jempol (Negeri Sembilan) Parit Sulong (Johor), Tanjung Aru (Sabah), Taiping (Perak), Bayan Baru (Pulau Pinang) serta PJ Utara, Serdang, Klang dan Kapar (Selangor).

Semua bahagian yang mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah semalam ialah Tenom Beaufort, Libaran (Sabah) dan Bakri (Johor).

Bagaimanapun, ada percubaan perwakilan Umno bahagian Bakri (Johor) dan Beaufort mencalonkan Tengku Razaleigh bertanding jawatan Timbalan Presiden Umno tetapi gagal apabila perwakilan menolak pencalonan nama beliau.

Di bahagian Bakri, Abdullah dipilih bertanding jawatan Timbalan

Presiden selepas mendapat 181 undi manakala Tengku Razaleigh hanya memperoleh 148 undi.

Di bahagian Beaufort pula, usaha mencalonkan bekas Menteri Kewangan itu ditolak apabila perwakilan secara angkat tangan menyokong usul supaya Ketua Bahagian, Datuk Lajim Ukin, yang mengandungi nama Abdullah sebagai calon Timbalan Presiden.

Sabtu lalu, perwakilan dua bahagian iaitu Kuala Krai dan Padang Terap cuba mencalonkan Tengku Razaleigh tetapi gagal apabila perwakilan sebulat suara menolak pencalonan nama beliau.

Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada 3 Januari lalu sebulat suara mengesyorkan supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan.

MT juga bersetuju mengekalkan Dr Mahathir sebagai Presiden dan Abdullah mengisi jawatan

Timbalan Presiden.

Bagi jawatan Naib Presiden, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang sudah layak bertanding terus mendahului dengan 49 pencalonan, termasuk empat diterima semalam.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, yang turut layak bertanding selepas melepasi syarat kelayakan minimum mendapat 31 pencalonan, termasuk dua dari bahagian Beaufort dan Bakri.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar, pula menerima 16 pencalonan; Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Osu Sukam (15 termasuk tiga semalam), Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar (12 termasuk satu semalam), Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad (12 termasuk dua semalam), Tan Sri Muhammad Muhd Taib (lapan), Menteri di Ja-

batan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim (lima) dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin (tiga).

Bagi jawatan Ketua Pemuda Umno pula, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein terus mendahului apabila mendapat 91 pencalonan, termasuk 14 semalam.

Pemangku Ketua Pemuda itu mendapat pencalonan dari bahagian Arau (Perlis), Sabah Bernam, Serdang, Kapar (Selangor), Kemaman dan Hulu Terengganu (Terengganu), Pulai (Johor), Jempol (Negeri Sembilan), Jasin (Melaka), Sandakan (Sabah), Sungai Siput, Taiping, Gopeng (Perak), Bayan Baru (Pulau Pinang).

Bagi jawatan Naib Ketua pula, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Pemuda, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir, mendapat

71 pencalonan, termasuk 12 semalam.

Pengerusi Majlis Latihan dan Kemasiswa Pemuda, Zein Isma Ismail, pula memperoleh 16 pencalonan, termasuk dari bahagian Kemaman dan Kapar semalam.

Bagi jawatan Naib Ketua Wanita, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil mendapat 56 pencalonan, termasuk 10 semalam iaitu dari Maran (Pahang), Kemaman (Terengganu), Kuantan dan Maran (Pahang), Parit Sulong (Johor), PJ Utara, Serdang, Klang dan Kapar (Selangor) serta Bayan Baru.

Ainon Khariyah Mohd Abas yang turut menawarkan diri bertanding Naib Ketua mendapat 27 pencalonan, termasuk lima semalam manakala penyandang jawatan, Datuk Napsiah Omar mendapat sembilan pencalonan, termasuk satu dari bahagian Jempol semalam.